

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 APRIL 2016

Malaysia-Turki tingkat hubungan tangani ekstremisme, bertukar maklumat risikan

Kerjasama lebih erat

um-15/4/2016



Rozaman
Ismail

Melaporkan dari ISTANBUL, TURKI

■ ISTANBUL 14 APRIL.

PARA pemimpin Islam dari 57 buah negara berkumpul di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ke-13 dengan fokus perbincangan adalah berkaitan isu perpaduan ummah, kemanusiaan, Islamophobia, ancaman kumpulan militan IS dan isu Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengetuai delegasi Malaysia ke sidang kemuncak ini turut berkongsi sentimen yang sama dengan negara-negara Islam lain dalam isu-isu berkenaan.

Dalam pertemuan dua hala di luar persidangan hari ini, Najib dan Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan sekali lagi menegaskan bahawa ancaman keganasan dan ekstremisme yang berlaku sekarang sangat serius dan menuntut kerjasama lebih erat.

Menurut Najib, kedua-kedua negara bersetuju meningkatkan hubungan terutama dalam aspek pertukaran maklumat risikan antara Malaysia dan Turki.

"Saya bersimpati dan mengucapkan takziah apa yang berlaku di



NAJIB Tun Razak bersama Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan semasa menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ke-13 di Istanbul Congress Center, semalam. - BERNAMA

Istanbul dan Ankara baru-baru ini.

"Pada masa yang sama, saya mohon OIC dan Turki sebagai Pengerusinya turut memberi perhatian kepada isu-isu yang berlaku di rantau Asia Tenggara seperti masalah kemanusiaan di Rohingya dan isu keselamatan di Selatan Filipina," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, apa yang berlaku di Selatan Filipina telah memberi limpahan kesan yang besar bukan sahaja ke atas penduduk di situ tetapi juga rakyat Malaysia sendiri.

Tegasnya, sekiranya keadaan

keselamatan di kawasan tersebut tidak berubah, kejadian pencerobohan dan penculikan ke atas rakyat Malaysia akan terus berlaku.

Katanya, peranan Malaysia sebagai fasilitator dalam isu Bangsamoro telah sampai ke peringkat akhir khususnya dalam merangka undang-undang Bangsamoro dan sedang menunggu kelulusan Kongres Filipina sahaja.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, usaha itu terhenti kerana tempoh jawatan Presiden sekarang akan berakhir tidak lama lagi.

"Usaha ini perlukan kesinambungan dan mesti diteruskan oleh

Presiden baharu. Justeru amat penting bagi Malaysia dan OIC main peranan agar soal undang-undang Bangsamoro tidak dikesampingkan apabila Presiden baharu dilantik," tegasnya.

Menurut Najib lagi, perkara yang sama juga perlu diberi perhatian di Selatan Thai yang mana OIC perlu memainkan peranan dalam mempengaruhi semua negara ahli agar terlibat dalam proses pendamaian di situ dengan Malaysia sekali lagi bertindak sebagai fasilitator.

Dalam pertemuan itu juga katanya, beliau membangkitkan soal kemanusiaan yang melibatkan pelar-

ian Rohingya.

Menurutnya, isu Rohingya bukan lagi isu domestik Myanmar kerana impaknya terpaksa diterima oleh negara jiran termasuk Malaysia yang menerima lebih 60,000 pelarian etnik tersebut.

"Selagi masalah ini tidak diberi perhatian serius oleh kerajaan Myanmar untuk dicari penyelesaian jangka panjang, maka perkara ini akan terus jadi masalah kemanusiaan.

"Ini juga masalah ummah dan OIC perlu jadikan soal ini satu perkara yg diperjuangkan," tegas beliau lagi. - UTUSAN